



PEKELILING AKADEMIK BIL. 30/2023

Semua Pelajar Program **PRASISWAZAH**

Saudara/i,

**PENGEDARAN KAD MASUK PEPERIKSAAN DAN JADUAL WAKTU
PEPERIKSAAN (KMJP) SEMESTER 3 SESI AKADEMIK 2022/2023**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Peperiksaan Akhir Semester 3 Sesi Akademik 2022/2023 akan diadakan mulai **25 hingga 29 September 2023**. Sehubungan semua pelajar yang mengikuti Semester 3 2022/2023 diwajibkan membuat pengesahan KMJP pada **7 hingga 10 September 2023** bagi semua bentuk mod peperiksaan, sama ada pelajar menduduki ujian bertulis atau penilaian berterusan termasuk Latihan Industri/Ilmiah/Projek. Perkara ini selari dengan definisi peperiksaan iaitu "Peperiksaan" ertinya apa-apa cara atau kaedah penilaian yang membolehkan markah atau gred diberikan bagi sesuatu kursus atau sebahagian daripada kursus tertentu. Tujuan pengesahan KMJP ini bukan sahaja untuk memberi maklumat jadual peperiksaan semata-mata tetapi untuk pelajar menyemak kali terakhir semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut.

3. Dimaklumkan juga sekiranya pelajar **gagal membuat Pengesahan Masuk Peperiksaan dalam tempoh yang ditetapkan pelajar perlu mengambil perhatian dan tindakan seperti berikut:-**

- i) Dikenakan denda sebanyak RM15.00 (Ringgit Malaysia: Lima Belas Ringgit Sahaja) dibayar melalui Portal <https://ekewangan.ukm.my/> (Pilih Bayaran Tanpa Invois).
- ii) Salinan bukti pembayaran perlu diemelkan kepada pihak Pusat Pengurusan Akademik (akad@ukm.edu.my).
- iii) Cetakan KMJP melalui SMPweb hanya akan dibenarkan selepas penerimaan bukti bayaran dan disahkan oleh pihak Pusat Pengurusan Akademik dalam tempoh **tiga (3) hari bekerja**.

Diingatkan bahawa pelajar boleh mencetak Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) melalui SMPweb mulai 18 hingga 29 September 2023 dan KMJP mestilah dibawa bersama semasa menduduki peperiksaan. Kegagalan menunjukkan cetak KMJP akan menyebabkan pelajar tidak dibenarkan menduduki peperiksaan.



PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8911 8450/8460/8461/8458/8454/8459 E-mel: akad@ukm.edu.my

Web: www.ukm.my/akademik

4. Pelajar dikehendaki mematuhi peraturan peperiksaan di sepanjang tempoh peperiksaan. Sebarang nota (digital/fizikal) kecuali dengan kebenaran dan telefon bimbit adalah **DILARANG** dibawa masuk ke tempat peperiksaan. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya saudara/i didapati melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh universiti.

Kerjasama daripada saudara/i didahului dengan ucapan terima kasih.

Yang benar,


PROF MADYA DR IRMAN ABDUL RAHMAN
Pengarah
Pusat Pengurusan Akademik

- s.k. - Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)
- Timbalan Pengarah (Governans Akademik)
 - Dekan
Fakulti/Pusat
 - Pengarah
Pusat Teknologi Maklumat
 - Pengarah
Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMShape)
 - Pengarah
Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM)
 - Pengarah
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
 - Ketua
Unit Kewangan Pelajar
Jabatan Bendahari
 - Urusetia Prasiswazah
Fakulti/Pusat
 - Yang Dipertua
Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUKM)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8911 8450/8460/8461/8458/8454/8459 E-mel: akad@ukm.edu.my

Web: www.ukm.my/akademik